

Penting bagi kita mengenali sejarah: PM

BM 27 APR 1986

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sejarah bukan hanya sumber untuk mempelajari masa lampau, malah ia lebih penting bagi menunjukkan arah masa depan.

Menurut Perdana Menteri, hanya dengan mengetahui sejarah dan meneliti apa yang dilakukan sebelum ini, rakyat dapat mengetahui apa yang hendak dilakukan pada hari ini.

Sehubungan itu, sesiapa yang tidak mempelajari sejarah akan didera dengan mengulangi segala kesalahan berkali-kali, katanya sewaktu merasmikan Seminar Biografi Malaysia anjuran Projek Kamus Biografi Malaysia, Universiti Malaya tajaan *New Straits Times* di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata seseorang itu mengenali siapa mereka jika mengetahui asal-usulnya.

"Melalui sejarah, kita boleh menge-

nal diri, keluarga, kaum kerabat, jiran tetangga, masyarakat dan bangsa kita. Pengertian ini memberikan kita kesedaran berkeluarga, berjiran tetangga, bermasyarakat dan bernegara.

"Demikianlah sejarah menyedarkan bahawa kita adalah satu bangsa, dibentuk atas kebijaksanaan pemimpin kita, dari kaum yang pada satu waktu hidup secara bersendirinya tanpa rasa persamaan dan tanpa terikat oleh sesuatu tujuan," katanya.

Hidup

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun kesedaran perkauman masih ada dan mungkin tebal bagi sesetengah golongan, rakyat semua sedar bahawa mereka tidak dapat mengelakkan daripada meneruskan hidup secara bersama.

"Kita sama-sama berpeluang menentukan sama ada mahu hidup dalam aman dan damai antara satu dengan lain,

atau mahu hidup terus menerus dalam keadaan tidak aman dan tidak tenteram yang tidak mungkin menguntungkan sesiapa.

"Menoleh ke belakang menyedarkan kita betapa jauh kita sudah berjalan bersama-sama untuk membentuk suatu bangsa Malaysia.

"Titik-titik hitam sepanjang perjalanan itu memberikan kita panduan untuk membezakan nilai baik dengan yang buruk, yang hendak dipelihara, diteruskan dan dilenyapkan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bangsa dan negara yang besar serta berkebudayaan tinggi adalah mereka yang menghargai jasa pahlawannya, baik yang berjuang dengan senjata mempertahankan negara, menggunakan kepintaran siasah untuk mencapai kemerdekaan dan mengembalikan maruah.